



## KENYATAAN MEDIA

### OPERASI PENGUATKUASAAN

#### DIBAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 PEMATUHAN STANDARD OPERATING PROCEDURE MAJLIS KESELAMATAN NEGARA – SEKTOR PEMBUATAN

“Ops Pematuhan SOP MKN Sektor Pembuatan” oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, melibatkan seramai 17 Pegawai Diberikuasa mensasarkan sebanyak 53 buah industri yang telah diperiksa bermula dari 25 November sehingga 14 Disember 2020.

Sebanyak 14 buah industri (26.4%) telah diberikan arahan penutupan dibawah Seksyen 18 (1) (f), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 kerana terdapat banyak isu ketidakpatuhan terhadap *Standard Operating Procedure (SOP)* Majlis Keselamatan Negara (MKN) kemaskini pada 4 September 2020 dibawah sektor pembuatan. Perintah penutupan dikenakan selama tempoh tujuh (7) hari bagi memastikan pihak industri berkenaan mengambil tindakan terhadap arahan kerja yang telah dikeluarkan. Semua industri ini kemudiannya telah dibenarkan untuk beroperasi setelah Pegawai Diberikuasa mengesahkan keseluruhan arahan kerja telah diambil tindakan. Terdapat 25 buah industri (47.2%) juga telah diberikan tawaran kompaun yang bernilai RM 1,000 disebabkan beberapa isu ketidakpatuhan (*minor*) terhadap SOP MKN. **Manakala 14 buah industri yang telah mematuhi SEMUA kehendak yang dinyatakan dibawah SOP MKN (26.4%).**

Berikut adalah ketidakpatuhan yang ditemui semasa operasi dijalankan:

1. Kegagalan mengadakan saringan suhu ke atas pekerja dan pelawat SETIAP hari (43.4%)
2. Tidak menyediakan amalan terbaik sosial / penjarakan fizikal di lantai, meja dan kerusi khususnya di kawasan pemprosesan, kafeteria, bilik mesyuarat, surau dan lain-lain yang berkenaan (43.4%)
3. Gagal mengadakan / kemukakan bukti dokumen proses disinfeksi tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum dan sering disentuh (contoh : lobi,

- butang lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, bas/pengangkutan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah, tombol pintu, pemegang tangan) (41.5%)
4. Tiada pembersihan dan nyah kuman di kilang/premis setiap kali sebelum syif atau operasi bermula (26.4%)
  5. Tidak menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk, semua kawasan umum dan tempat-tempat lain di dalam kilang/premis (26.4%)
  6. Tidak mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19) (22.6%)
  7. Pihak majikan tidak melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja yang ramai (melebihi 5% jumlah pekerja) kerana demam atau bersimptom berkaitan COVID-19 (20.8%)
  8. Majikan tidak menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (18.9%)

Justeru, Jabatan ini ingin menggesa kesemua pengusaha atau pemilik sektor industri pembuatan untuk sentiasa mematuhi SOP MKN yang telah ditetapkan secara berterusan dan menyeluruh. Jabatan ini dengan kerjasama pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) akan sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan kepatuhan pengusaha industri terhadap SOP MKN ini dijalankan bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di talian 03-51237333 atau boleh terus menyatakan aduan SISPAA di laman web rasmi <http://www.jknselangor.moh.gov.my> sekiranya mempunyai aduan berkaitan ketidakpatuhan terhadap SOP MKN yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.

**DATO' INDERA DR. SHA'ARI NGADIMAN**

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

16 Disember 2020